

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 19.09.2024 MASA: 01.00 PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**  
**ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH APRESIASI STRATA**  
**SEBERANG PERAI 2024 "APRESS 2024"**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**21 SEPTEMBER 2024 (SABTU)**  
**09.45 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berhormat Sr. Zulhisyam Bin Abdul**

Pengarah Pesuruhjaya Bangunan

Merangkap Pengurus Program Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya, telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam **Majlis Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 “Apress 2024”** pada pagi ini di Auditorium Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa JMB / MC di Seberang Perai; warga kerja MBSP; dan rakan-rakan media bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
3. **Majlis Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 “Apress 2024”** ini diadakan untuk memberi pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang pengurusan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) serta Pemilik Petak Terhadap Komuniti Berstrata di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai. Program ini di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities 2023*, iaitu di bawah Kerterlibatan Komuniti (S09) Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP yang merupakan salah satu usaha

meningkatkan pemahaman berkaitan strata kepada seluruh masyarakat di Seberang Perai.

4. Penyertaan adalah daripada keseluruhan JMB / MC bagi bilangan 11 petak ke atas bagi kategori kos sederhana dan kos rendah dalam pembangunan dan pengurusan strata di bawah petadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.
5. Pengauditan penilaian telah dijalankan oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP bermula pada 1 Jun 2024 sehingga 15 Ogos 2024 di kesemua kawasan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC). Semakan dibuat terhadap rekod dokumen dan daftar yang diselenggara bagi tahun 2020 hingga 2023, dan diikuti temubual dengan jawatankuasa JMB / MC dan pengurus bangunan bagi mendapatkan maklum balas dan penerangan lanjut mengenai aktiviti JMB / MC dari pelbagai aspek.
6. Hadiah berbentuk wang sumbangan bagi kedua-dua kategori untuk tempat ketiga adalah RM1,000.00, Naib Johan RM2,000.00 dan Johan RM3,000.00. Pemberian hadiah ini adalah dengan harapan dapat menambah dana kewangan JMB / MC untuk meningkatkan tahap pengurusan dan penyenggaraan di kawasan masing-masing ke arah yang lebih baik. Selain itu, satu (1) Anugerah Khas Pesuruhjaya Bangunan turut diberikan kepada JMB / MC yang banyak memberikan kerjasama, bantuan serta sokongan kepada Jabatan Pesuruhjaya

Bangunan (COB) MBSP dalam menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MBSP sepanjang tahun.

7. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada JMB/MC yang berjaya. Bagi JMB / MC yang tidak berjaya, teruskan usaha, perbaiki kelemahan dan sentiasa bersedia menerima tunjuk ajar atau pengalaman dari JMB / MC yang dinobatkan sebagai pemenang dalam memastikan peningkatan kualiti dalam pengurusan dan penyenggaraan kawasan berstrata.
8. Majlis Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 “APRESS 2024” pada pagi ini juga diadakan bersekali dengan taklimat berkenaan dengan '*Universal Design*' atau reka bentuk sejagat yang akan disampaikan oleh wakil daripada Jabatan Bangunan MBSP supaya JMB / MC dapat menerapkan atau mengaplikasi reka bentuk pada binaan atau bangunan, produk atau persekitaran di skim JMB / MC agar mudah digunakan oleh semua lapisan masyarakat tidak mengira usia, jantina, keupayaan mahupun faktor-faktor lain.
9. Berdasarkan statistik untuk tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2024 iaitu hingga bulan Jun 2024, sebanyak 1,160 kawasan pemajuan skim strata dengan 95,487 petak dan angka ini menunjukkan peningkatan 0.52% bilangan kawasan pemajuan dan 4.23% bilangan petak berbanding tahun 2023. Angka ini juga dijangka akan terus meningkat memandangkan pembangunan

berkonsepkan bangunan berstrata yang semakin banyak dibina disebabkan oleh harga tanah yang semakin meningkat dan ruang tapak pembangunan tanah yang semakin terhad. Selaras dengan peningkatan jumlah kawasan pembangunan berstrata, pengoperasian JMB dan MC turut dipertingkatkan di mana sehingga Jun 2024 sebanyak 153 JMB dan 365 MC telah ditubuhkan.

10. MBSP akan lebih berupaya menggalas tanggungjawab dan cabaran dalam menangani aduan berkaitan mesyuarat, kewangan, penguatkuasaan, pengurusan dan penyenggaraan dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang diwartakan pada 12 Jun 2015 di Pulau Pinang. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) adalah lebih komprehensif dengan penyediaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan) dan (Tribunal Pengurusan Strata) 2015.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas usaha-usaha Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP dan pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 "APRESS 2024" ini.
12. Marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni dan bersama-sama dapat memacu MBSP ke arah yang lebih cemerlang serta

Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Sekali lagi, Syabas dan Tahniah kepada semua pemenang.

13. Akhir kata, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz "***Bismillahirrahmanirrahim***", saya dengan ini merasmikan ***Majlis Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 "APRESS 2024"***.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***